

01/08/1998

Malaysia, Mozambique sepakat

Mahfar Ali in Maputo (Mozambique)

MAPUTO (Mozambique), Jumaat - Malaysia dan Mozambique mencapai kata sepakat dalam pelbagai perkara, termasuk isu serangan mata wang ke atas beberapa negara Asia dan selatan Afrika.

Kedua-dua negara turut menandatangani perjanjian Kerjasama Saintifik, Teknikal dan Kebudayaan dalam mempertingkatkan lagi kerjasama Kuala Lumpur-Maputo.

Malaysia diwakili Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, manakala Menteri Perdagangan dan Pelancongan Mozambique, Oldemiro Baloi, mewakili negaranya.

Majlis itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Joaquim Alberto Chissano.

Pada sidang akhbar bersama pada akhir lawatan tiga harinya ke Mozambique, Dr Mahathir dan Chissano sependapat semua negara membangun harus sepakat dalam menangani isu serangan mata wang.

Chissano berkata, krisis kewangan yang dihadapi Malaysia sebenarnya bukan disebabkan Malaysia tidak membuat sesuatu untuk menanganinya, tetapi masalah itu berlaku akibat tekanan kuasa luar.

Beliau bagaimanapun yakin Malaysia akan dapat mengatasi krisis berkenaan kerana mempunyai pemimpin yang berkeupayaan mengendalikan isu seumpama itu.

"Ini bagaimanapun memerlukan kesepakatan semua negara kerana masalah ini serius," katanya.

Dr Mahathir pula berkata, beliau turut membincangkan isu itu dalam pertemuannya dengan Kabinet Mozambique pagi ini.

"Kita membuat perbandingan sistem kewangan kedua-dua negara dan mengenal pasti banyak sebab mata wang Mozambique (Maticais) tidak diserang.

"Banyak yang dapat kita pelajari kerana sudah tentu Mozambique mempunyai kaedah tertentu yang dapat melindungi mata wangnya daripada diserang. Ini mungkin mempunyai relevan dan dapat digunakan Malaysia untuk mengendalikan mata wang kita.

"Sebab itu, kita bertukar idea bagaimana mata wang kita diserang dan apakah mekanisme serangan itu sama ada disebabkan pengurusan yang tidak cekap atau tindakan pedagang mata wang yang cuba mengambil kesempatan untuk mengaut untung," kata Dr Mahathir yang berlepas pulang ke tanah air, hari ini.

Sambil menyifatkan lawatannya sebagai berhasil, Perdana Menteri berkata, kunjungan itu dapat memperluaskan lagi hubungan kedua-dua negara menyusul lawatan Chissano ke Malaysia tahun lalu.

"Meskipun singkat, lawatan ini mencapai banyak hasil. Kita kini memahami satu sama lain dan ini berfaedah untuk mempertingkatkan lagi hubungan pada masa depan," katanya.

Di sebalik masalah yang dihadapi Malaysia, kata Dr Mahathir, masih ada perkara yang boleh dilakukan di Mozambique dengan membabitkan ahli perniagaan kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata, buat permulaan sekurang-kurangnya tiga bidang boleh diterokai ahli perniagaan Malaysia di Mozambique iaitu:

- * Pembinaan rumah, terutama kos rendah yang sangat diperlukan rakyat Mozambique. Perjanjian mengenai kerjasama ini sudah pun ditandatangani syarikat hartanah kedua-dua negara, malam tadi.

- * Penyelidikan pertanian, termasuk dalam bidang pengeluaran dan pembungkusan gajus yang banyak ditanam di Mozambique. Untuk itu, Dr

Mahathir turut melawat pusat penyelidikan pertanian Mozambique, semalam, dan

* Perbankan yang bukan saja memudahkan ahli perniagaan Malaysia melabur di negara ini, malah membantu memperkukuhkan kewangan Mozambique.

Menurut Perdana Menteri, lawatannya turut diikuti dengan kunjungan menteri dan pegawai dari kedua-dua negara supaya lebih banyak bidang kerjasama dapat dikenal pasti.

Malaysia juga berminat untuk mengimport lebih banyak barangan dari Mozambique.

(END)